

# Stok terhad punca harga ayam naik

**Putrajaya:** Harga ayam naik selepas pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan kerana bekalan terhad berikutkan permintaan menguncup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selama lebih dua bulan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan permintaan menguncup kerana premis perniagaan, restoran, hotel dan majlis keraian tidak boleh beroperasi ketika tempoh pelaksanaan PKP.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata isu itu ialah kitaran bekalan yang bersifat sementara dan bekalan dijangka pulih tidak lama lagi.

Beliau berkata, KPDNHEP akan memantau keadaan beraenaan dan mengambil tindakan di bawah kuasa dan peruntukan akta diberikan jika perlu.

"KPDNHEP ingin menasihatkan semua pemain industri, pemborong dan peniaga agar bersikap adil dan tidak menga-

mbil kesempatan dalam situasi sekarang," katanya dalam nyataan semalam.

Alexander berkata, kelonggaran diberikan membolehkan semua sektor ekonomi beroperasi sepenuhnya, tidak patut dijadikan peluang untuk mengaut keuntungan secara tidak munasabah.

Katanya, orang ramai perlu menjadi pengguna bestari dengan memanfaatkan semua pilihan yang ada untuk berbelanja kerana masih ada premis menjual ayam harga berpatutan.

"Pengguna dinasihatkan membuat perbandingan harga ayam dan barang keperluan pengguna melalui aplikasi Price Catcher bagi mendapatkan harga dan premis yang terbaik sebelum berbelanja," katanya.

Beliau berkata, penguat kuasa KPDNHEP akan digerakkan di seluruh negara untuk memantau harga ayam bagi memastikan pengguna tidak terbeban dengan kenaikan. BERNAMA